

# SEMEGA 2012 terlaksana dengan jayanya

Oleh **WAN SITI SUHANA YUSUF**  
utusanborneokk@gmail.com  
UB 26.07.2012 B2

**KOTA KINABALU:** Program Selangkah Ke Menara Gading (SEMEGA) 2012 yang disertai oleh 21 buah sekolah yang terpilih di seluruh negeri Sabah telah diadakan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Program itu dianjurkan oleh Jabatan Akademik dan Kerjaya, Majlis Perwakilan Pelajar UMS dengan kerjasama Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS.

Perasmian program telah dirasmikan oleh Pembantu Menteri Pembangunan Sumber

dan Kemajuan Teknologi Maklumat, Datuk Jainab Ahmad Ayid.

“Program tahunan UMS ini telah diwujudkan seawal tahun 2005 dan menjadi program motivasi terbesar tahunan yang mempunyai objektif sangat berimpak tinggi dalam memberikan suntikan motivasi dan semangat ingin berjaya dalam kalangan pelajar sekolah khususnya untuk pelajar Tingkatan 5 dan 6 yang akan menghadapi peperiksaan awam.

“Bukan itu sahaja, program ini juga memfokuskan kepada sekolah-sekolah yang terletak di kawasan luar bandar. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk menyemai semangat ingin berjaya dalam kalangan peserta seiring dengan nama program ini iaitu Selangkah Ke Menara Gading,” katanya.

Tambah Jainab, program itu juga membawa impak yang tinggi dalam kalangan peserta untuk membuat pecutan terakhir dalam bidang akademik di samping meningkatkan nilai tambah kemahiran insaniah kepada



**JAINAB** bergambar kenangan bersama peserta, guru pengiring dan AJK program.

Ahli Jawatankuasa Pelaksana yang terdiri daripada mahasiswa UMS, yang sepatutnya berada di kampung halaman kerana kini adalah cuti semester yang panjang bagi seluruh mahasiswa di negara ini.

“Program motivasi terbesar ini akan diteruskan lagi pada tahun yang mendatang dengan melihat keberkesanan dan impak yang sangat positif kepada peserta khususnya dan

pihak yang terlibat amnya,” katanya.

Aktiviti yang dilaksanakan pada 13 hingga 15 Julai itu telah disertai seramai 50 mahasiswa UMS yang dipimpin oleh Mohd Juhar Harun selaku pengarah program SEMEGA 2012 serta turut dibimbing oleh Masnahneh Masdin selaku pegawai penyelaras bagi program motivasi terbesar UMS ini.

Di samping itu, kedua-dua siri itu memperlihatkan keberkesannya dan mencapai matlamat yang disasarkan oleh pihak penganjur apabila seramai hampir 700 orang peserta telah menghadirinya.

Antara sekolah yang terlibat dalam program itu ialah SMK Agaseh Lahad Datu, SMK Benoni Papar, SMK Entabuan Tenom, SMK Bandaraya Kota Kinabalu, SMK Sikuati Kudat,

SMK Sri Nangka Tuaran, SMK Kanibongan Kota Marudu, SMK Membakut 2, SMK Pitas, SMK Simpangan Beluran, SMK Tamparuli, SMK Narinang Kota Belud, SMK Sepagaya Lahad Datu, SMK Sindumin Sipitang, SMK Tenghilan, SMK Badin Tuaran, SMK Weston Beaufort, SMK Bum-Bum Semporna, SMK Takis Papar dan SMK Tandek Kota Marudu.

**DR Andika Aziz**  
menyampaikan  
cenderahati kepada  
Jainab.

